

## Jika PM dicabar saya tak bertanding — Tajol

LUMUT 1 Mac — Menteri Besar Perak, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali menegaskan, beliau tidak akan bertanding jawatan ahli Majlis Tertinggi (MT) UMNO jika Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dicabar sebagai Presiden **partipada** perhimpunan agung **Mei ini**.

Katanya, beliau menyumbangkan tenaga dan buah fikiran dalam UMNO **semata-mata** untuk berkhidmat dengan Dr. Mahathir yang sememangnya dikagumi kewibawaannya.

"Kalau Dr. Mahathir dicabar (sebagai Presiden), saya tidak akan bertanding MT. Saya hanya bekerja (dalam UMNO) untuk beliau," tegasnya.

Tajol Rosh berkata demikian selepas merasmikan Dialog Perkongsian Bijak Pembangunan Negeri Perak, di **sini** hari ini.

Bagaimanapun katanya, beliau akan akur jika Dr. Mahathir **bercadang mengundurkan diri dan tetap menyokong penggantinya** iaitu Datuk Seri **Abdullah Ahmad** Badawi.

"Dr. Mahathir kata, pilihan **raya** lalu adalah yang terakhir baginya. Itu beliau kata, bukan **kita** kata tak hendak dia (Mahathir).

"Jadi kalau dia kata begitu, itulah **saya** sebut, Pak Lah adalah orang terbaik untuk memimpin **kita** (UMNO) menghadapi pilihan **raya** akan datang," jelasnya.

**UM -2 MAR 2000**